

# SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING

# FOREIGN WORKER HOSPITALISATION AND SURGICAL SCHEME

TakafulMalaysia



## FOREIGN WORKER HOSPITALISATION AND SURGICAL SCHEME (SKHPPA)

Statement pursuant to Section 141 of the Islamic Financial Services Act 2013, you are to disclose in the proposal form, fully and faithfully all the facts which you know or ought to know, otherwise the certificate issued may be void.

In view of the increasing Hospital and Surgical charges, this Scheme is specially designed to reduce the financial burden of the employers of foreign workers in the event of hospital admission of their foreign workers to a non-corporatised Malaysian Government Hospital due to an accident or illness.

---

## SOME IMPORTANT INFORMATION ON THE PARTICIPATION OF SKHPPA

### *TO PROSPECTIVE CERTIFICATE OWNER*

This page contains important information about your Takaful plan. You should read all the information carefully to make sure that you fully understand it and that it meets your needs. You are advised to read through the checklist below which explains the essential features of the SKHPPA so that you are able to make an informed decision before participating the plan.

If you have any inquiries, please seek clarification from your Takaful intermediary or our office nearest to you.

1. The benefits payable under the plan are highlighted in the "Description of Benefits/Coverage".
2. This is a yearly renewable Takaful plan, whereby the benefits and contribution are subjected to review from time to time. Any changes to benefits and contribution can only be imposed by us on certificate anniversary with ninety (90) days written notice based on the emerging claims experience of the portfolio.
3. Takaful coverage ceases from the time your foreign worker leaves Malaysia and resumes upon his or her return to Malaysia.

## PERIOD OF COVER AND RENEWAL

The Takaful coverage shall become effective as of the date stated in the certificate. The certificate anniversary shall be one (1) year after the effective date and annually thereafter. On each such anniversary, this plan is renewable at the contribution rates in effect at that time as notified by the Company.

## DEFINITIONS

**PRE-EXISTING ILLNESS** shall be limited to disabilities which existed before the effective date of cover and for which the covered person should have reasonably been aware of. A covered person may be considered to have reasonable knowledge of a pre-existing condition where the condition is one for which:-

a) the covered person had received or is receiving treatment;
b) medical advice, diagnosis, care or treatment has been recommended;
c) clear and distinct symptoms are or were evident; or
d) its existence would have been apparent to a reasonable person in the circumstances.

**SPECIFIED ILLNESSES** shall mean the following disabilities and its related complications, occurring within the first one hundred and twenty (120) days of Takaful coverage of the covered person:

a) Cardiovascular disease
b) All cancers

## APPLICATION PROCEDURES

- The SKHPPA proposal forms can be obtained from your Takaful intermediary or our office nearest to you.
- The employer must complete the proposal form and submit the completed proposal form together with contribution to Takaful intermediary or our office nearest to you.
- Takaful coverage is effective upon receipt of payment of contribution.
- The certificate will be sent to the employer within twenty one (21) working days.
- If the certificate has not been received within the stipulated period, kindly contact your Takaful intermediary or our office nearest to you.

## DESCRIPTION OF BENEFITS/COVERAGE

SCHEDULE OF BENEFITS (ANY ONE DISABILITY)

| ITEM | BENEFITS | AMOUNT (RM) |
|---|---|---|
| 1 (a) | Daily Hospital Room and Board (Maximum up to 30 days) | As charged in accordance to charges consistent with Third (3rd) Class Room and Board to a maximum of RM160 per day in a non-corporatised Malaysian Government Hospital in conformance to the charges specified under Fees Act 1951, Fees (Medical) Order 1982. |
| 1 (b) | Intensive Care Unit (ICU) (Maximum up to 15 days) | |
| 2 | Hospital Supplies and Services | |
| 3 | Operating Theatre | |
| 4 | Surgical Fees (Exclude organ transplantation) | |
| 5 | Anesthetist Fees | |
| 6 | In-Hospital Physician Visits | |
| 7 | In-Hospital Specialist Consultation Visits (Maximum up to 30 days) | |
| 8 | Ambulance Fees or Medical Report Fees | |
| **Maximum Overall Annual Limit (Items 1 to 8)** | | **RM20,000** |
| **ANNUAL CONTRIBUTION: RM120 per covered person** | | |

**IMPORTANT NOTES:**

1. **Service Tax is exempted by Kastam Diraja Malaysia provided the contributions are paid by the foreign worker(s). A 6% Service Tax will be imposed on each contribution due and payable.**
2. **All benefits payable for any number of disabilities in any one given Period of Coverage is subjected to the Overall Annual Limit of RM20,000 per covered person.**

## EXCLUSIONS

This Scheme does not cover any hospitalisation, surgery or charges caused directly or indirectly, wholly or partly, by any one (1) of the following occurrences:

1. Pre-existing Illness. However, this exclusion is waived in the event the covered person passes the medical examination as confirmed by Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) within thirty (30) days from the covered person's arrival to Malaysia.
2. Specified Illnesses occurring during the first one hundred and twenty (120) days of continuous cover.
3. Plastic or cosmetic surgery, circumcision, eye examination, glasses and refraction or surgical correction of nearsightedness (Radial Keratotomy) and the use or acquisition of external prosthetic appliances or devices such as artificial limbs, hearing aids, implanted pacemakers and prescriptions thereof.
4. Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by Accidental Injuries to sound natural teeth occurring wholly during the Period of Coverage.
5. Private nursing, rest cures or sanitaria care, illegal drugs, intoxication, sterilization, venereal disease and its sequelae, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV (Human Immunodeficiency Virus) related diseases, and any communicable diseases requiring quarantine by law.
6. Any treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities including hereditary conditions.
7. Pregnancy, child birth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility. Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization.
8. Hospitalisation primarily for investigatory purposes, diagnosis, X-ray examination, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered Disability or any treatment which is not Medically Necessary and any preventive treatments, preventive medicines or examinations carried out by a Physician, and treatments specifically for weight reduction or gain.

9. Suicide, attempted suicide or intentionally self-inflicted injury while sane or insane.

10. War or any act of war, declared or undeclared, criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection.

11. Ionizing radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material.

12. Expenses incurred for donation of any body organ by a covered person and costs of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications.

13. Investigation and treatment of sleep and snoring disorders, hormone replacement therapy and alternative therapy such as treatment, medical service or supplies , including but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bone setting, herbalist treatment, massage or aroma therapy or other alternative treatment.

14. Care or treatment for which payment is not required or to the extent which is payable by any other Insurance/ Takaful or indemnity covering the covered person and Disabilities arising out of duties of employment or profession that is covered under a Workman's Compensation Insurance or Takaful Contract.

15. Psychotic, mental or nervous disorders (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations).

16. Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephones, telex services, radios or similar facilities, admission kit/pack and other ineligible non-medical items.

17. Sickness or Injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities.

18. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes.

19. Expenses incurred for sex changes.

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

**Q1 WHAT DOES THE SKHPPA COVER?**

A1 It covers hospitalisation and surgical charges incurred by the foreign worker in the event of hospital admission to a non-corporatised Malaysian Government Hospital due to an accident or illness.

**Q2 IS THE SKHPPA A COMPULSORY SCHEME?**

A2 Yes.

**Q3 MY FOREIGN WORKERS ARE COVERED UNDER THE FOREIGN WORKERS COMPENSATION SHCEME (FWCS), DO THEY NEED TO BE COVERED UNDER SKHPPA?**

A3 Yes. The SKHPPA and the FWCS are two different schemes and both are compulsory.

**Q4 CAN THE CONTRIBUTION BE DEDUCTED FROM THE FOREIGN WORKER'S SALARY?**

A4 Yes, the employer can advance the payment for the required contribution and then subsequently deduct the same from the foreign worker's salary.

**Q5 HOW MUCH IS THE CONTRIBUTION AND WHEN WILL COVERAGE TAKE EFFECT?**

A5 The annual contribution is RM120 per foreign worker per annum and coverage will take effect upon registration with contribution duly paid. The annual contribution is subjected to 6% Service Tax. Please refer to the above important notes under the Description of Benefits/ Coverage.

**Q6 IS MEDICAL CHECK-UP REQUIRED?**

A6 Not necessary as long as the foreign workers are legally working in Malaysia and have passed the medical examination administered by Fomema Sdn. Bhd (FOMEMA).

**Q7 ANY RESTRICTION TO HOSPITAL ADMISSION?**

A7 Yes, admission to non-corporatised Malaysian Government Hospital only.

**Notes:**

- **This brochure provides a summary of the main features of the above product for illustration purposes and does not constitute a contract of Takaful. Certificate owners are advised to refer to the certificate document for full details of the product terms and conditions, including those outlined in this brochure.**
- **In the event of inconsistency between English and Bahasa Malaysia versions, the English version will prevail.**





# SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING

## FOREIGN WORKER HOSPITALISATION AND SURGICAL SCHEME

TakafulMalaysia

## SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING (SKHPPA)

Mengikut kenyataan Seksyen 141 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda diminta untuk memberi maklumat secara lengkap dan jujur terhadap segala butir yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak sijil yang dikeluarkan akan menjadi tidak sah.

Dengan mengambil kira kenaikan caj-caj Hospital dan Pembedahan, Skim ini direka khas untuk mengurangkan beban kewangan pihak majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat akibat kemalangan atau penyakit.

## MAKLUMAT PENTING MENGENAI PENYERTAAN SKHPPA

### *KEPADA PEMILIK SIJIL PROSPEKTIF*

Bahagian ini mengandungi maklumat penting mengenai pelan Takaful anda. Anda dikehendaki membaca keseluruhan maklumat tersebut dengan teliti bagi memastikan anda faham sepenuhnya pelan ini dan ia memenuhi kehendak anda.

Anda dinasihatkan supaya membaca senarai semak di bawah yang menerangkan ciri-ciri penting SKHPPA sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut. Sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan, sila dapatkan penjelasan lanjut daripada wakil Takaful anda atau pejabat kami yang berhampiran.

1. Manfaat yang perlu dibayar di bawah pelan ini dinyatakan di bawah "Huraian Manfaat/Perlindungan".

2. Ini merupakan pelan Takaful dengan pembaharuan tahunan, di mana manfaat dan sumbangan adalah tertakluk kepada semakan dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan ke atas manfaat dan sumbangan hanya boleh dibuat oleh pihak kami semasa ulang tahun sijil dengan sembilan puluh (90) hari notis bertulis bergantung kepada pengalaman tuntutan portfolio yang wujud.

3. Perlindungan Takaful terhenti apabila pekerja asing anda meninggalkan Malaysia dan akan disambung semula apabila pekerja asing tersebut kembali ke Malaysia.

## TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Perlindungan Takaful ini berkuat kuasa mengikut tarikh yang dinyatakan di dalam sijil. Ulang tahun sijil adalah satu (1) tahun selepas tarikh berkuat kuasa dan pada setiap tahun berikutnya. Pada setiap ulang tahun, pelan ini boleh diperbaharui pada kadar sumbangan yang berkuat kuasa pada masa itu seperti yang dimaklumkan oleh Syarikat.



## DEFINISI

**PENYAKIT SEDIA ADA** adalah terhad kepada hilang upaya yang wujud sebelum tarikh berkuatkuasa perlindungan dan orang yang dilindungi mengetahui sewajarnya. Orang yang dilindungi dianggap mengetahui keadaan sedia ada itu sewajarnya apabila:-

a) orang yang dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
b) nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan;
c) simptom yang jelas, tepat, dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
d) kewujudan ketara dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang mengalami keadaan itu.

**PENYAKIT TERTENTU** bermaksud hilang upaya dan komplikasi yang berkaitan seperti berikut yang wujud seratus dua puluh (120) hari pertama dalam tempoh perlindungan Takaful bagi orang yang dilindungi.
a) Penyakit kardiovaskular
b) Semua jenis kanser

## PROSEDUR PERMOHONAN

- Borang cadangan SKHPPA boleh didapati daripada wakil Takaful anda atau di mana-mana pejabat kami yang berhampiran.
- Majikan perlu melengkapkan borang cadangan tersebut dan menghantarnya beserta dengan sumbangan kepada wakil Takaful atau mana-mana pejabat kami yang berhampiran.
- Perlindungan Takaful berkuat kuasa selepas bayaran sumbangan diterima.
- Sijil akan dihantar ke majikan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja.
- Sekiranya sijil tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan, sila hubungi wakil Takaful anda atau mana-mana pejabat kami yang berhampiran.

## HURAIAN MANFAAT/PERLINDUNGAN

JADUAL MANFAAT (MANA-MANA SATU HILANG UPAYA)

| BUTIR | MANFAAT | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 (a) | Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari) | Sebagaimana menurut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982. |
| 1 (b) | Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari) | |
| 2 | Bekalan dan Khidmat Hospital | |
| 3 | Bilik Bedah | |
| 4 | Fi Pembedahan (Tidak termasuk transplant organ) | |
| 5 | Fi Pakar Bius | |
| 6 | Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari) | |
| 7 | Lawatan Pakar Perundingan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari) | |
| 8 | Fi Ambulan atau Fi Laporan Perubatan | |
| **Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Butiran 1-8)** | | **RM20,000** |
| **SUMBANGAN TAHUNAN : RM120 bagi setiap orang yang dilindungi** | | |

**NOTA PENTING:**

1. **Cukai Perkhidmatan adalah dikecualikan oleh Kastam Diraja Malaysia dengan syarat sumbangan dibayar oleh pekerja asing. 6% Cukai Perkhidmatan akan dikenakan ke atas setiap sumbangan yang perlu dibayar.**

2. **Semua manfaat yang perlu dibayar bagi apa-apa bilangan hilang upaya dalam mana-mana satu Tempoh Perlindungan yang diberi adalah tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan sebanyak RM20,000 bagi setiap orang yang dilindungi.**

## PENGECUALIAN

Skim ini tidak melindungi sebarang rawatan dalam hospital, pembedahan atau bayaran yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

1. Penyakit Sedia Ada. Walau bagaimanapun, pengecualian ini diketepikan sekiranya orang yang dilindungi telah lulus pemeriksaan perubatan sebagaimana disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari ketibaannya di Malaysia.

2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.

3. Pembedahan plastik atau kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.

4. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asal yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Perlindungan.

5. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Virus Keimunodefisiena Manusia) dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

6. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.

7. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan.

8. Rawatan dalam hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

9. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman.

10. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam.

11. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.

12. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang Yang Dilindungi dan kos mendapatkan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplant organ dan sebarang komplikasi daripadanya.

13. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupuntur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan alternatif yang lain.

14. Jagaan atau rawatan yang mana pembayarannya tidak diperlukan atau setakat mana yang dibayar oleh mana-mana Insurans/Takaful lain atau tanggung rugi yang meliputi Orang Yang Dilindungi dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans/Takaful Pampasan Pekerja.

15. Kecelaruan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

16. Kos atau perbelanjaan bagi perkhidmatan yang bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat telex, radio atau kemudahan yang serupa, kit atau pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.

17. Penyakit atau kecederaan yang wujud daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali menggunakan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

18. Penerbangan peribadi kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang untuk sebarang penerbangan komersil berjadual yang mempunyai lesen untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

19. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina.

## PERTANYAAN LAZIM:

**S1 APAKAH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN DI BAWAH SKHPPA?**

J1 Ia melindungi caj rawatan dalam hospital dan pembedahan pekerja asing sekiranya mereka dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat akibat kemalangan atau penyakit.

**S2 ADAKAH SKIM SKHPPA INI WAJIB?**

J2 Ya.

**S3 PEKERJA ASING SAYA TELAH DILINDUNGI DI BAWAH SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING (FWCS), ADAKAH MEREKA JUGA PERLU DILINDUNGI DI BAWAH SKHPPA?**

J3 Ya. SKHPPA dan FWHS adalah dua skim yang berbeza dan kedua-duanya adalah wajib.

**S4 BOLEHKAH SUMBANGAN TERSEBUT DITOLAK DARIPADA GAJI PEKERJA ASING TERSEBUT?**

J4 Boleh, majikan boleh mendahulukan pembayaran sumbangan pekerja asing dan kemudian ditolak daripada gaji pekerja asing tersebut.

**S5 BERAPA JUMLAH SUMBANGAN DAN BILAKAH PERLINDUNGAN BERMULA?**

J5 Caruman tahunan adalah sebanyak RM120 setahun bagi setiap pekerja asing dan perlindungan bermula selepas pendaftaran beserta pembayaran caruman dibuat. Caruman tahunan adalah tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan, yang mana berkenaan. Sila rujuk kepada nota penting di bawah Huraian Manfaat/Perlindungan di atas.

**S6 ADAKAH PEMERIKSAAN KESIHATAN DIPERLUKAN?**

J6 Tidak semestinya dengan syarat pekerja asing tersebut bekerja di Malaysia secara sah dan telah lulus pemeriksaan perubatan yang diselia oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA).

**S7 ADAKAH TERDAPAT SEBARANG HAD BAGI KEMASUKAN HOSPITAL?**

J7 Ya, kemasukan hanyalah di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat sahaja.

**Catatan:**

- **Risalah ini menyediakan satu ringkasan kepada ciri-ciri utama pelan di atas bagi tujuan ilustrasi dan bukan merupakan sebahagian daripada kontrak Takaful. Pemilik Sijil dinasihatkan untuk merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan terma dan syarat yang lebih terperinci termasuk sepertimana yang telah dinyatakan di dalam risalah ini.**
- **Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.**

Life is full of uncertainties. Any unexpected mishaps, either death, total & permanent disability or critical illness, may cause financial hardship to you and your family.

Here at Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, we will always stand by your side providing financial protection to you and your loved ones even when uncertainties occur.

Be wise and start living a life free of financial worries!

Hidup ini penuh dengan keraguan. Sebarang musibah yang tidak diduga, sama ada kematian, keilatan menyeluruh dan kekal atau penyakit kritikal mungkin menyebabkan anda dan keluarga anda berhadapan dengan kesulitan kewangan.

Di Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad, kami sentiasa berada di sisi anda menyediakan perlindungan kewangan untuk anda dan orang yang tersayang apabila berlaku kejadian yang tidak diduga.

Jadi bijaksana dan mulakan hidup bebas daripada kebimbangan kewangan!

TakafulMalaysia

**Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad** (1246486-D)
**14th Floor, Annexe Block, Menara Takaful Malaysia No 4. Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur P.O. Box 11483, 50746 Kuala Lumpur**

**1-300 88 252 385**

**takaful-malaysia.com.my**

**csu@takaful-malaysia.com.my**

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad is a company licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

*Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.*

SKHPPAV05/10-2020